

DARI ANNE KOH

TOKYO, 2 NOV. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI JEPUN, ENCIK TAKEO FUKUDA TELAH MEMBERI JAMINAN KEPADA MALAYSIA BAHAWA PERSETIAAN CHINA-JEPUN YANG DIMETERAI BARU-BARU INI TIDAK AKAN MENJEJASKAN HUBUNGAN PERDAGANGAN NEGARA ITU DENGAN MALAYSIA.

JAMINAN ITU TELAH DISAMPAIKAN KEPADA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD SEMASA BELIAU MENGUNJUNGI ENCIK FUKUDA DI KEDIAMAN RASMINYA DI SINI TENGAHARI TADI.

DALAM PERTEMUAN ITU YANG BERAKHIR SELAMA KIRA-KIRA 30 MINIT, TIMBALAN PERDANA MENTERI TELAH BERTUKAR-TUKAR PENDAPAT DENGAN ENCIK FUKUDA MENGENAI IMPLIKASI PERLUASAN PERDAGANGAN CHINA-JEPUN BERIKUTAN PENANDATANGANAN PERJANJIAN PERSAHABATAN ITU.

MALAYSIA, TEGAS BELIAU, SUNGGUH BERMINAT UNTUK MENGETAHUI PERUBAHAN-PERUBAHAN DALAM HUBUNGAN PERDAGANGAN ANTARA CHINA DENGAN JEPUN EKORAN DARIPADA PERJANJIAN ITU DAN BAGAIMANA IA AKAN MENJEJASKAN HUBUNGAN PERDAGANGANNYA DENGAN JEPUN.

ENCIK FUKUDA MEMBERITAHU DATUK SERI DR. MAHATHIR BAHAWA PERJANJIAN DENGAN CHINA ITU YANG SEDANG BERJALAN SEKARANG DIJANGKA TIDAK AKAN MENDATANGKAN SEBARANG PERUBAHAN RADIKAL DENGAN SERTA MERTA DALAM HUBUNGAN PERDAGANGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA. -- BERSAMBUNG 1822/YF

MAHATHIR-FUKUDA 2 TOKYO

PERDANA MENTERI JEPUN ITU BERKATA MODENISASI CHINA TIDAK AKAN MENJADIKAN NEGARA ITU SEBAGAI KUASA INDUSTRI UTAMA YANG AKAN MENUKAR CORAK PERDAGANGAN.

KEMUDIAN DALAM SATU WAWANCARA DENGAN BERNAMA DAN RTM, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, BELIAU JUGA TELAH MEMBERI TAKLIMAT KEPADA ENCIK FUKUDA MENGENAI LAWATAN PERDANA MENTERI VIETNAM, ENCIK PHAM VAN DONG KE MALAYSIA BARU-BARU INI.

+SAYA MEMBERITAHUNYA KENYATAAN ENCIK DONG BAHAWA DASAR-DASAR VIETNAM ADALAH DIPENGARUHI OLEH SEMANGAT NASIONALISME RAKYAT VIETNAM DAN BUKAN OLEH SEBARANG PENGARUH LUAR.

+DI MALAYSIA KAMI MENERIMA KENYATAAN INI DENGAN BAIK, + TEGASNYA. TIMBALAN PERDANA MENTERI YANG MENGETUAI ROMBONGAN GALAKAN PELABURAN MALAYSIA KE JEPUN BERKATA, BELIAU JUGA TELAH BERBINCANG DENGAN ENCIK FUKUDA MENGENAI SOAL JEPUN MEMBIAYAI PROJEK GAS CECAIR ASLI DI BINTULU DENGAN SYARAT-SYARAT LONGGAR.

PROJEK BINTULU ITU DIJANGKA MENELAN BELANJA KIRA-KIRA \$2,800 JUTA.

PERKARA MENAMBAHKAN PENERBANGAN MAS KE JEPUN TELAH JUGA DIBINCANGKAN. DI BAWAH PERJANJIAN UDARA DENGAN JEPUN SEKARANG, MALAYSIA DI BENARKAN MEMBUAT TUJUH Pendaratan SEMINGGU DENGAN MENGGUNAKAN KAPALTERBANG BOEING 707. -- BERSAMBUNG 1903/YF

EE

B64E

MAHATHIR-FUKUDA 3 TOKYO

BAGAIMANAPUN, DISEBABKAN MALAYSIA MENGGUNAKAN TIGA PENERBANGAN DC-10 DAN DUA PENERBANGAN 707, JUMLAH PENERBANGAN IALAH SAMA DENGAN CUMA 6-1/2 Pendaratan 707 SEMINGGU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MEMANDANGKAN MALAYSIA AKAN MEMBELI JET-JET YANG LEBIH BESAR TERMASUK KAPALTERBANG JENIS +AIRBUS+ YANG BOLEH MEMBAWA 300 ORANG PENUMPANG, MALAYSIA PERLU MENAMBAH PENERBANGANNYA.

ENCIK FUKUDA TELAH MEMBERI JAMINAN BAHAWA PERKARA ITU AKAN DISELEDIKI.

TERDAHULU, DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MAKAN TENGAHARI DENGAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN ANTARABANGSA JEPUN, ENCIK TOSHIO KOMOTO.

INI ADALAH PERTAMUAN KEDUA ANTARA ENCIK KOMOTO DAN TIMBALAN PERDANA MENTERI SEJAK BELIAU TIBA DI SINI PADA 28 OKT. LALU.

ADALAH DIFAHMKAN DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH BERBINCANG SECARA PANJANG LEBAR DENGAN ENCIK KOMOTO TENTANG KEMUNGKINAN JEPUN MEMAJAK SALAH SEBUAH DARI KAPALTANGKI MINYAK MALAYSIA.

MALAM INI, BELIAU AKAN DIRAIKAN DI SATU MAJLIS JAMUAN OLEH SYARIKAT SUMITOMO HEAVY INDUSTRI DAN SUMITOMO CORPORATION. -
BERNAMA 1850/AB